
**MASTERY OF THE ARABIC LANGUAGE AND TURATH TEXTS AS CORE
COMPETENCIES FOR CONTEMPORARY SYARIE LAWYERS**

***PENGUASAAN BAHASA ARAB DAN KITAB TURATH SEBAGAI KOMPETENSI TERAS
PEGUAM SYARIE MASA KINI***

ⁱMualimin Mochammad Sahid, ⁱBaidar Mohammed Mohammed Hassan, ⁱNabilah Yusof

ⁱFakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: mualimin.sahid@usim.edu.my

ABSTRACT

Mastery of the Arabic language and proficiency in understanding turath texts constitute foundational elements that shape the professional competency and scholarly authority of the syarie legal profession. This study examines the importance of these two aspects as epistemic pillars that support the ability of syarie lawyers to comprehend, argue, and interpret legal rulings based on authentic Islamic sources. Using a library research method, this analysis explores a wide range of classical and contemporary sources, including Shāfi'ī fiqh texts, works of uṣūl al-fiqh, academic articles, judicial institutional reports, and syarie legal training documents. The findings indicate that although awareness of the necessity to master Arabic and turath has been increasing, the actual level of competency remains moderate due to time constraints, limited modern learning tools, and instructional approaches that are not oriented towards practical application. Accordingly, this study proposes the development of a syarie legal training curriculum that integrates Arabic, turath knowledge, and digital technology in a comprehensive manner to strengthen the competency of contemporary syarie lawyers. The implications of this study affirm that mastery of these two knowledge components is not merely an academic value-added skill, but a strategic necessity to ensure professionalism, credibility, and continuity of the Islamic scholarly tradition within the national Syariah legal system.

Keywords: Arabic Language, Turath Texts, Syarie Lawyer, Competency, Syariah Judiciary, Legal Training, Islamic Law

ABSTRAK

Penguasaan Bahasa Arab dan kemahiran memahami kitab *turath* merupakan elemen asas yang membentuk kompetensi profesional dan autoriti ilmiah dalam profesion guaman syarie. Kajian ini bertujuan meneliti kepentingan kedua-dua aspek tersebut sebagai teras keilmuan yang menyokong keupayaan peguam syarie dalam memahami, menghujahkan dan menafsir hukum berdasarkan sumber Islam yang autentik. Dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan, analisis ini menelusuri pelbagai sumber klasik dan kontemporari termasuk kitab fiqh mazhab Syafie, karya usul al-fiqh, artikel akademik, laporan institusi kehakiman, dan dokumen latihan guaman syarie. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun kesedaran terhadap keperluan penguasaan Bahasa Arab dan *turath* semakin meningkat, tahap penguasaan sebenar masih sederhana disebabkan kekangan masa, kekurangan bahan bantu moden, serta pendekatan pengajaran yang tidak berorientasikan aplikasi praktikal. Oleh itu, kajian ini mencadangkan penggubalan kurikulum latihan guaman syarie yang menekankan integrasi Bahasa Arab, ilmu *turath*, dan teknologi digital secara menyeluruh bagi memperkukuh kompetensi peguam syarie masa kini. Implikasi kajian ini menegaskan bahawa penguasaan dua komponen ilmu tersebut bukan sekadar nilai tambahan akademik, tetapi merupakan keperluan strategik bagi memastikan profesionalisme, kewibawaan, dan kesinambungan tradisi keilmuan Islam dalam sistem perundangan syariah negara.

Kata Kunci: Bahasa Arab, Kitab Turath, Peguam Syarie, Kompetensi, Kehakiman Syariah, Latihan Guaman, Undang-undang Islam

Pengenalan

Bahasa Arab mempunyai kedudukan yang amat istimewa dalam sistem perundangan Islam kerana ia merupakan bahasa asal bagi sumber utama hukum, iaitu al-Quran, al-Sunnah, serta karya-karya ulama yang membentuk khazanah *turath* Islam. Dalam konteks profesion guaman syarie di Malaysia, penguasaan Bahasa Arab bukan sekadar satu kelebihan akademik, tetapi merupakan keperluan asas yang mendasari kefahaman terhadap nas, prinsip hukum dan perbahasan fiqh yang menjadi teras kepada keseluruhan struktur undang-undang Syariah. (Sahid & Fettane, 2019) Tanpa kemahiran Bahasa Arab yang mantap, seseorang peguam syarie berisiko untuk melakukan kesilapan dalam menafsir teks, memahami maksud hukum, dan menyampaikan hujah syarie secara tepat dan berwibawa di mahkamah.

Selain penguasaan Bahasa Arab, kemahiran menguasai dan meneliti kitab-kitab *turath* turut memainkan peranan penting dalam membentuk kompetensi seorang peguam syarie. Kitab *turath*, khususnya dalam bidang fiqh dan usul fiqh, mengandungi perbahasan hukum yang luas dan mendalam, mencakupi pelbagai mazhab dan pandangan ulama. Ia bukan sekadar warisan intelektual Islam, tetapi juga sumber autoritatif yang menjadi asas rujukan dalam penentuan hukum-hakam semasa. Oleh itu, kemampuan menelusuri, memahami, dan mengaplikasikan kandungan kitab *turath* menjadi kayu ukur kepada tahap keilmuan serta profesionalisme seseorang peguam syarie dalam menjalankan tanggungjawab kehakiman dan guaman. (Abas et al., 2023)

Walau bagaimanapun, realiti semasa menunjukkan bahawa tahap penguasaan Bahasa Arab dan kemahiran memahami kitab *turath* dalam kalangan sebahagian peguam dan pelatih guaman syarie di Malaysia masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Faktor seperti perubahan pendekatan pendidikan, kekangan masa dalam latihan profesional, serta kecenderungan kepada sumber hukum sekunder dalam Bahasa Melayu atau Inggeris menyebabkan hubungan langsung dengan teks Arab asli semakin berkurang. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap ketepatan hujah, kesahihan rujukan hukum, serta integriti intelektual dalam amalan guaman syarie.

Tambahan pula, landskap kehakiman Syariah kini semakin mencabar dengan munculnya pelbagai isu kontemporari yang memerlukan kefahaman mendalam terhadap *maqasid syariah*, *qawa'id fiqhiyyah*, dan pandangan pelbagai mazhab. Isu-isu seperti perundangan keluarga Islam, kewangan Islam, jenayah Syariah, dan hak asasi dalam kerangka hukum Islam menuntut keupayaan tinggi untuk merujuk sumber asal dalam bahasa Arab dan menilai dalil-dalil secara kritikal berdasarkan manhaj ulama silam. Oleh itu, penguasaan Bahasa Arab dan kitab *turath* bukan sahaja penting dari sudut akademik, tetapi juga dari perspektif praktikal dan etika profesion guaman syarie. (Salida & Zulpina, 2023)

Menyedari hakikat ini, usaha pengukuhan kompetensi Bahasa Arab dan kitab *turath* perlu dilihat sebagai agenda penting dalam pembangunan profesional peguam syarie di Malaysia. Hal ini boleh dicapai melalui pelbagai pendekatan seperti penambahbaikan kurikulum latihan guaman syarie, pengintegrasian modul pengajian *turath* secara berperingkat, serta penggunaan teknologi digital bagi memudahkan akses kepada sumber klasik. Dalam era digital, kemunculan platform e-*turath*, terjemahan interaktif, dan aplikasi carian hukum berasaskan kecerdasan buatan (AI) membuka ruang baharu untuk memperkukuh kefahaman dan aplikasi kitab *turath* secara lebih efektif. (Azizan et al., 2024)

Justeru, kertas kerja ini akan meneliti kepentingan penguasaan Bahasa Arab dan kitab *turath* sebagai kompetensi teras yang perlu dikuasai oleh peguam syarie masa kini. Ia juga akan membincangkan tahap penguasaan sebenar dalam kalangan pengamal guaman, mengenal pasti cabaran-cabaran semasa, serta mencadangkan strategi ke arah memperkukuh kemahiran ini melalui pendidikan dan latihan profesional yang bersepadu. Penguasaan yang mantap terhadap kedua-dua aspek ini diyakini akan melahirkan generasi peguam syarie yang lebih kompeten, berwibawa, dan berintegriti dalam mengangkat martabat sistem perundangan Islam di Malaysia.

Permasalahan Kajian

Walaupun Bahasa Arab dan kitab *turath* merupakan teras kepada disiplin Syariah, realiti semasa menunjukkan bahawa penguasaan kedua-dua aspek ini dalam kalangan peguam syarie di Malaysia semakin berkurangan. Sebahagian besar peguam syarie menghadapi kesukaran dalam membaca teks hukum dalam Bahasa Arab, apatah lagi mentafsirkan maksud fiqh yang mendalam daripada kitab *turath*. Kebergantungan terhadap terjemahan dan ringkasan hukum sering menyebabkan penyempitan makna dan kesilapan dalam memahami konteks perundangan Islam yang sebenar. (Yuslina Mohamed et al., 2018)

Selain itu, pendekatan pengajaran Bahasa Arab dan *turath* di institusi pengajian tinggi Islam masih bersifat akademik dan tidak menekankan aplikasi praktikal dalam konteks kehakiman atau guaman. (Syed Shamsuddin, 2020) Kekangan masa, kurangnya latihan berterusan, serta ketiadaan modul integratif yang menggabungkan bahasa, fiqh, dan kemahiran guaman turut memperburuk keadaan ini. Akibatnya, wujud jurang antara teori dan amalan, di mana peguam syarie yang berhadapan dengan teks fiqh klasik atau hujah Arab di mahkamah sering bergantung kepada tafsiran sekunder.

Situasi ini menimbulkan persoalan penting: sejauh manakah penguasaan Bahasa Arab dan kitab *turath* mempengaruhi kecekapan serta kredibiliti peguam syarie dalam melaksanakan tugas profesional mereka? Adakah sistem latihan semasa sudah cukup berkesan untuk membentuk kompetensi linguistik dan fiqh yang mantap? Oleh itu, kajian ini berusaha meneliti tahap penguasaan tersebut, mengenal pasti cabaran yang dihadapi, serta mencadangkan langkah ke arah pemantapan kompetensi Bahasa Arab dan *turath* sebagai asas kepada profesionalisme guaman syarie masa kini.

Sorotan Literatur

Bahasa Arab telah diiktiraf oleh para sarjana Islam sebagai bahasa ilmu dan hukum yang memiliki nilai epistemologi tersendiri dalam pembinaan undang-undang Islam. Pemahaman terhadap syariah tidak dapat dipisahkan daripada kefahaman terhadap bahasa Arab kerana makna hukum syarak berpaksikan lafaz dan struktur bahasa. Kenyataan ini menegaskan bahawa penguasaan bahasa Arab merupakan kunci untuk memahami ilmu-ilmu Islam termasuk *tasfir*, *hadis*, *fiqh*, *usul fiqh*, dan ilmu-ilmu Islam yang lain. Dalam konteks kehakiman Syariah, penguasaan Bahasa Arab menjadi asas utama bagi memahami teks-teks nas serta mentafsir perbahasan hukum dalam bentuk yang tepat dan berlandaskan dalil yang sah.

Kemahiran Bahasa Arab dalam memahami hukum sangat mempengaruhi ketepatan hujah dan kefahaman terhadap maksud sebenar nas syarak dalam proses penggubalan dan pentafsiran undang-undang Islam. Penggunaan istilah *fiqh* dan *qawa'id fiqhiyyah* yang kompleks menuntut kepekaan linguistik yang tinggi agar tidak berlaku kesalahan semantik yang boleh mengubah maksud hukum. (Shamsuddin, 2018) Kelemahan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelatih guaman syarie menyebabkan mereka lebih bergantung kepada terjemahan sekunder, sekali gus mengurangkan keaslian hujah syarie dalam pembentangan kes di mahkamah.

Selain Bahasa Arab, kitab *turath* juga memainkan peranan penting sebagai sumber rujukan hukum dalam tradisi guaman Islam. Tradisi *turath* bukan sekadar koleksi teks klasik, tetapi mewakili sistem epistemologi hukum Islam yang berasaskan perbahasan mendalam antara ulama dari pelbagai mazhab. Kitab-kitab seperti *al-Majmu'* karya al-Nawawi, *Bidayat al-Mujtahid* oleh Ibn Rushd, dan *al-Mughni* oleh Ibn Qudamah menjadi rujukan utama dalam memahami perbezaan pandangan hukum serta justifikasi ijtihad yang bersifat dinamik. Dalam konteks Malaysia, penguasaan terhadap kitab-kitab ini amat penting kerana sistem kehakiman Syariah masih berpaksikan kepada mazhab Syafi'i yang menuntut kefahaman terhadap karya *turath* mazhab tersebut. (Syed Shamsuddin, 2020)

Penguasaan kitab *turath* dalam kalangan peguam syarie semakin merosot akibat kurang pendedahan terhadap teks asli semasa pengajian di universiti. Faktor ini dikaitkan dengan kecenderungan sistem pendidikan Islam moden yang lebih menumpukan pada aspek undang-undang bertulis dan prosedur kehakiman, berbanding penguasaan teks fiqh klasik. Justeru dicadangkan agar latihan guaman syarie kembali menekankan kemahiran membaca, mensyarah dan menganalisis teks *turath* sebagai komponen utama dalam pembentukan kompetensi profesional.

Sorotan literatur antarabangsa juga menunjukkan kesedaran yang meningkat terhadap kepentingan integrasi antara Bahasa Arab dan kitab *turath* dalam bidang perundangan Islam kontemporari. Misalnya, kajian oleh (Alhirtani, 2018) meneliti keberkesanan program *Arabic Learning on Understanding of Islamic Legal Science* yang menggabungkan pengajaran Bahasa Arab hukum dengan teks fiqh klasik. Hasil kajian menunjukkan peningkatan signifikan dalam kefahaman pelajar terhadap prinsip hukum serta keupayaan mereka menggunakan istilah Arab hukum dengan tepat dalam wacana guaman. Model seperti ini boleh dijadikan rujukan untuk memperkukuh kurikulum latihan guaman syarie di Malaysia.

Beberapa penyelidikan terkini turut menekankan perlunya pendekatan digital dalam kemahiran bahasa Arab dan penguasaan kitab *turath*. Pembangunan platform *e-turath*, pangkalan data hukum fiqh, serta penggunaan kecerdasan buatan (AI) bagi menganalisis teks Arab klasik telah membuka ruang baharu dalam mendekatkan pelajar dan profesional guaman kepada sumber hukum asal. (Aidah Novianti Putri & Moh. Abdul Kholiq Hasan, 2022) Pendekatan ini bukan sahaja mengatasi kekangan masa dan sumber, tetapi juga memperkukuh kemahiran membaca dan menganalisis teks dalam konteks digital yang lebih interaktif. (Anwar & Ahyarudin, 2023)

Kesimpulannya, literatur terdahulu secara konsisten menegaskan bahawa penguasaan Bahasa Arab dan kitab *turath* adalah prasyarat penting bagi melahirkan peguam syarie yang kompeten, berwibawa, dan mampu berijtihad secara berasaskan nas yang sahih. Namun, kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada aspek pendidikan dan belum banyak meneliti secara mendalam hubungan langsung antara tahap penguasaan dua kemahiran ini dengan prestasi dan kecekapan sebenar peguam syarie di lapangan. Oleh itu, kajian ini berhasrat untuk mengisi jurang tersebut dengan menganalisis realiti semasa, cabaran dan strategi pengukuhan kemahiran Bahasa Arab serta kitab *turath* dalam profesion guaman syarie di Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan (*library research*). Kaedah ini dipilih bagi meneliti konsep penguasaan Bahasa Arab dan pemahaman kitab *turath* dalam konteks profesion guaman syarie secara mendalam melalui analisis kritikal terhadap bahan-bahan bertulis yang relevan.

Sumber utama kajian terdiri daripada kitab *turath* fiqh mazhab Syafie, karya klasik dalam bidang *usul al-fiqh* dan *qawa'id fiqhiyyah*, serta rujukan moden berkaitan latihan guaman syarie, bahasa Arab profesional, dan pendidikan Islam kontemporari. Di samping itu, artikel jurnal, tesis akademik, buku ilmiah, laporan institusi kehakiman syariah, dan dokumen rasmi universiti turut dianalisis bagi mengenal pasti corak perbincangan serta jurang pengetahuan dalam bidang ini.

Proses analisis dilaksanakan melalui pendekatan analisis tematik, iaitu dengan meneliti dan mengklasifikasikan data kepada beberapa tema utama seperti: (1) Kepentingan Bahasa Arab dalam kefahaman fiqh dan penghujahan undang-undang syarie. (2) Peranan kitab *turath* dalam pembentukan wibawa ilmiah dan profesionalisme peguam syarie. (3) Cabaran dan kekangan dalam menguasai kedua-dua aspek tersebut. (4) Cadangan pembaharuan latihan dan kurikulum guaman syarie berasaskan integrasi *turath* dan teknologi digital.

Melalui analisis literatur yang menyeluruh, kajian ini berusaha menjelaskan kaitan antara Bahasa Arab, kitab *turath*, dan kompetensi profesional peguam syarie, di samping mencadangkan kerangka konseptual bagi pengukuhan latihan guaman syarie masa kini.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Hasil analisis terhadap bahan-bahan ilmiah klasik dan moden menunjukkan bahawa penguasaan Bahasa Arab dan kemahiran memahami kitab *turath* mempunyai kedudukan yang amat penting dalam profesion guaman syarie, namun tahap penguasaan ini masih berada pada paras sederhana dalam kalangan pengamal undang-undang Islam di Malaysia. Dapatan kajian dapat dirumuskan kepada empat tema utama berikut:

Kepentingan Bahasa Arab dalam Kefahaman dan Penghujahan Hukum

Bahasa Arab merupakan medium utama dalam sumber hukum Islam seperti al-Quran, hadis, dan kitab-kitab fiqh klasik. Kajian menunjukkan bahawa keupayaan memahami teks Arab tanpa terjemahan meningkatkan ketepatan dalam menafsir hukum serta mengurangkan risiko kesilapan tafsiran. Dalam konteks guaman syarie, penguasaan bahasa ini bukan sekadar kemahiran linguistik, tetapi merupakan alat *ijtihad* dan *istidlal* hukum yang menentukan kualiti hujahan peguam di mahkamah. Penguasaan terhadap istilah fiqh, struktur nahu, dan gaya penulisan hukum Arab klasik memberi kelebihan kepada peguam syarie dalam menganalisis kes dan merujuk sumber hukum dengan lebih tepat (Akmar Bin Abd Latif et al., 2021).

Peranan Kitab Turath sebagai Rujukan Autoritatif dalam Guaman Syarie

Kitab *turath fiqh*, khususnya dalam mazhab Syafie, berperanan sebagai sumber rujukan utama dalam proses penghakiman dan nasihat guaman. (Abd Rahman bin Rahuni & Mualimin Mochammad Sahid, 2020) Analisis menunjukkan bahawa karya seperti al-Umm oleh Imam al-Syafie, Mughni al-Muhtaj, Tuhfah al-Muhtaj, dan Nihayah al-Muhtaj masih dijadikan sandaran dalam menilai kes-kes kontemporari. Namun, kemampuan untuk memahami teks *turath* yang kompleks memerlukan latihan berterusan dalam aspek terminologi, metodologi istinbat, dan konteks sejarah hukum. Kekurangan kemahiran dalam hal ini menyebabkan sebahagian peguam bergantung pada terjemahan atau ringkasan sekunder, yang berisiko menurunkan ketepatan hujahan hukum.

Cabaran dalam Penguasaan Bahasa Arab dan Kitab Turath bagi Peguam Syarie

Penguasaan Bahasa Arab dan pemahaman kitab *turath* merupakan teras utama kepada profesionalisme dan keutuhan keilmuan dalam bidang guaman syarie. Walau bagaimanapun, pelbagai cabaran telah dikenal pasti yang menghalang pengamal undang-undang Islam daripada mencapai tahap penguasaan yang optimum. Berdasarkan analisis kepustakaan terhadap karya ilmiah, laporan institusi kehakiman, dan hasil penyelidikan terdahulu, cabaran tersebut dapat dirumuskan kepada empat aspek utama iaitu cabaran pendidikan dan latihan, cabaran sumber dan bahan rujukan, cabaran masa dan keutamaan profesional, serta cabaran adaptasi terhadap keperluan kontemporari. (Syed Salim Bin Syed Shamsuddin, 2020)

Cabaran Pendidikan dan Latihan

Antara cabaran utama ialah kekangan dalam sistem pendidikan dan latihan yang tidak memberikan penekanan mencukupi terhadap aplikasi Bahasa Arab dan kitab *turath* dalam konteks guaman. Banyak program akademik hanya menekankan aspek teori bahasa, bukan penggunaannya dalam meneliti teks hukum atau menulis hujahan fiqh. Pelatih guaman syarie pula sering berhadapan dengan kesukaran menterjemah ilmu *turath* kepada bentuk amalan guaman sebenar kerana kurangnya latihan berasaskan kes (case-based learning) yang menggunakan teks Arab klasik sebagai bahan latihan.

Cabaran Sumber dan Bahan Rujukan

Cabaran seterusnya ialah keterbatasan bahan rujukan yang komprehensif dan mesra pengguna. Banyak kitab *turath* masih dalam bentuk tulisan Arab lama tanpa penjelasan moden atau anotasi yang sesuai. Walaupun terdapat usaha digitalisasi kitab *turath*, kebanyakan platform tidak menyediakan fungsi carian istilah fiqh yang berkesan atau terjemahan akademik yang sahih. Keadaan ini menjejaskan keupayaan peguam muda untuk meneliti teks hukum secara mendalam, terutama apabila perlu menyiapkan hujahan dalam tempoh masa yang terhad.

Cabaran Masa dan Keutamaan Profesional

Dalam konteks amalan guaman sebenar, kebanyakan peguam syarie menghadapi tekanan masa akibat beban kes dan urusan pentadbiran yang tinggi. Akibatnya, keutamaan terhadap pengajian Bahasa Arab dan kitab *turath* sering ditekankan. Kajian juga mendapati bahawa sebahagian pengamal hanya bergantung kepada terjemahan sekunder atau rujukan ringkasan dalam Bahasa Melayu, yang boleh menjejaskan ketepatan dalam memahami prinsip hukum. Kekangan masa ini turut menyebabkan kurangnya penglibatan dalam kursus lanjutan atau bengkel pemantapan *turath* yang ditawarkan oleh institusi latihan. (Hasan, 2017)

Cabaran Adaptasi terhadap Keperluan Kontemporari

Akhirnya, cabaran terbesar ialah bagaimana ilmu *turath* dapat disesuaikan dengan keperluan perundangan semasa yang dinamik dan berorientasikan teknologi. Ramai peguam syarie muda lebih mahir dalam penggunaan aplikasi undang-undang moden, tetapi tidak mempunyai kemahiran mendalam dalam meneliti teks klasik untuk menyokong hujahan hukum. Ketidakseimbangan ini menyebabkan jurang antara tradisi keilmuan Islam dan amalan profesional moden semakin melebar. Maka, perlu ada pendekatan baharu yang mengintegrasikan *turath* dan teknologi seperti pembangunan sistem digital fiqh, platform carian istilah Arab berkaitan hukum dan undang-undang, serta penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam penterjemahan teks *turath* secara sahih. (Hakim & Anggraini, 2023)

Secara keseluruhannya, cabaran-cabaran ini menuntut pendekatan sistematik dan bersepadu antara institusi akademik, badan kehakiman, dan institusi latihan profesional bagi memastikan penguasaan Bahasa Arab dan kitab *turath* terus menjadi tunjang utama kepada pembinaan profesionalisme dan kewibawaan peguam syarie di era globalisasi.

Strategi Pengukuhan Kompetensi dan Cadangan Pembaharuan dalam Pengajaran Bahasa Arab dan Kitab *Turath* untuk Peguam Syarie

Kepentingan Bahasa Arab dan penguasaan kitab *turath* sebagai teras ilmu dalam profesion guaman syarie menuntut satu pendekatan pembaharuan yang lebih menyeluruh dan bersepadu. Berdasarkan hasil analisis literatur dan dapatan penyelidikan terdahulu, beberapa strategi pengukuhan dan cadangan pembaharuan dapat dirumuskan bagi memastikan pengajaran Bahasa Arab dan kitab *turath* benar-benar memenuhi keperluan praktikal profesion peguam syarie masa kini.

Integrasi Kurikulum dan Latihan Profesional

Pendidikan Bahasa Arab dan pengajian *turath* perlu diintegrasikan dalam kurikulum latihan guaman syarie secara holistik dan berasaskan aplikasi. Kursus Bahasa Arab tidak sepatutnya berdiri sendiri sebagai subjek linguistik, tetapi digabungkan dengan latihan membaca dan menganalisis teks hukum Arab, seperti bab muamalat, nikah, talak, dan faraid daripada kitab *fiqh Syafie*. Institusi pengajian tinggi Islam disarankan membentuk modul khas “*Arabic for Legal Purposes*” yang menumpukan kepada kemahiran membaca, menterjemah, dan berhujah dalam konteks perundangan Islam.

Pemantapan Kaedah Pengajaran Berasaskan Teks dan Kes

Pendekatan pengajaran perlu beralih daripada teori tatabahasa semata-mata kepada kaedah pengajaran berasaskan teks dan kes (*text-based & case-based learning*). Pelajar dan pelatih guaman syarie perlu dibimbing untuk meneliti teks kitab *turath* yang berkaitan dengan kes sebenar di mahkamah syariah. Pendekatan ini bukan sahaja mengasah kemahiran bahasa dan kefahaman hukum, tetapi juga

meningkatkan keupayaan berhujah dan menilai fatwa serta keputusan terdahulu secara ilmiah dan kontekstual.

Pembangunan Bahan Bantu Digital dan Platform Interaktif

Perkembangan teknologi perlu dimanfaatkan bagi membangunkan platform digital interaktif untuk pengajian *turath* dan Bahasa Arab perundangan. Pembangunan aplikasi seperti pangkalan data kitab *turath* dengan indeks hukum, sistem carian istilah fiqh, dan terjemahan dua bahasa yang sah akan membantu peguam syarie mengakses sumber klasik dengan lebih mudah. Inovasi seperti *AI-assisted translation* dan sistem anotasi hukum digital boleh mempercepatkan proses rujukan dan analisis hukum secara tepat dan efisien (Haji Hussin, 2024).

Kolaborasi Antara Institusi Akademik dan Badan Guaman

Kerjasama strategik antara universiti, institusi kehakiman, dan badan profesional guaman syarie perlu diperkukuh bagi memastikan latihan dan pengajaran sejajar dengan keperluan semasa industri. Program latihan bersama seperti bengkel penguasaan *turath*, kursus intensif Bahasa Arab hukum, serta seminar aplikasi fiqh dalam litigasi boleh dijalankan secara berterusan. Kolaborasi ini juga berpotensi mewujudkan jaringan ilmu antara sarjana fiqh, hakim syarie, dan peguam dalam usaha memperkasa profesionalisme bidang guaman Islam.

Penerbitan Semula Kitab Turath dalam Format Moden

Cadangan penting lain ialah penerbitan semula kitab *turath* utama dalam format moden dengan anotasi dan terjemahan akademik yang mudah diakses. Usaha ini boleh dijalankan oleh pusat penyelidikan universiti Islam dengan sokongan kerajaan dan badan kehakiman. Kitab yang diterbitkan semula perlu disertakan dengan glosari istilah fiqh, nota kaki kontekstual, serta indeks topik hukum bagi memudahkan pengguna profesional merujuk bahagian yang relevan dengan kes.

Implikasi terhadap Latihan dan Profesionalisme Guaman Syarie

Penguasaan Bahasa Arab dan pemahaman kitab *turath* memberi implikasi besar terhadap pembentukan profesionalisme dan standard latihan dalam bidang guaman syarie. Berdasarkan dapatan dan perbincangan kajian, beberapa implikasi utama dapat dirumuskan bagi memastikan profesion guaman syarie terus berkembang selaras dengan tuntutan maqasid syariah dan keperluan sistem kehakiman Islam kontemporari. (Hasan et al., 2007)

Pengukuhan Kompetensi Ilmiah dan Autoriti Hujahan

Implikasi pertama ialah keperluan untuk memperkukuh kompetensi ilmiah peguam syarie agar mampu berhujah berdasarkan sumber hukum yang autentik. Penguasaan Bahasa Arab dan kitab *turath* membolehkan peguam memahami teks fiqh dalam bentuk asal, menilai konteks hukum dengan tepat, dan mengelakkan kesilapan tafsiran akibat bergantung kepada terjemahan sekunder. Ini secara langsung meningkatkan tahap autoriti ilmiah dan kredibiliti profesional mereka di hadapan mahkamah.

Pembaharuan dalam Sistem Latihan dan Pendidikan Profesional

Implikasi kedua melibatkan keperluan penambahbaikan sistem latihan guaman syarie di institusi pengajian tinggi dan badan profesional. Pengajaran Bahasa Arab dan *turath* perlu diberi dimensi baharu yang lebih aplikatif melalui integrasi modul “Bahasa Arab Perundangan” dan latihan menganalisis teks fiqh sebenar. Institusi latihan guaman seperti Majlis Peguam Syarie Malaysia dan Jabatan Kehakiman Syariah disaran memperkenalkan kursus pembangunan profesional berterusan (CPD) yang menekankan kemahiran membaca dan mentafsir teks Arab hukum.

Pembinaan Identiti dan Etika Profesional Peguam Syarie

Implikasi seterusnya ialah pembentukan identiti dan etika profesional yang berpaksikan tradisi keilmuan Islam. Kefahaman mendalam terhadap *turath* membantu peguam syarie membina adab berhujah, disiplin ilmiah, serta sikap amanah terhadap teks hukum. Ia sekaligus membezakan profesion guaman syarie daripada sistem undang-undang sivil biasa, menjadikannya lebih berakar dalam nilai ilmu dan akhlak Islam yang luhur.

Penghasilan Dasar dan Polisi Latihan Nasional

Implikasi lain ialah keperluan kepada dasar latihan nasional yang menyeragamkan tahap kemahiran Bahasa Arab dan *turath* bagi peguam syarie. Badan pengawal selia seperti Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) boleh memainkan peranan dalam menggubal Standard Kompetensi Bahasa Arab dan *Turath* Peguam Syarie (SKBTPS) sebagai panduan bagi proses pelantikan dan pengiktirafan profesional.

Pemantapan Integrasi Ilmu Turath dan Teknologi

Akhir sekali, implikasi terhadap penggunaan teknologi digital amat signifikan. Integrasi ilmu *turath* dengan teknologi, seperti pembangunan aplikasi fiqh digital dan pangkalan data kitab klasik, akan memperluas capaian ilmu bagi generasi peguam muda. Ini akan menjadikan *turath* bukan sekadar warisan teks, tetapi sumber ilmu yang dinamik, mudah dicapai, dan relevan dalam ekosistem undang-undang Islam moden.

Secara keseluruhannya, implikasi kajian ini menegaskan bahawa penguasaan Bahasa Arab dan kitab *turath* bukan hanya aspek akademik, tetapi merupakan asas pembinaan profesionalisme, autoriti keilmuan, dan identiti Islamik dalam profesion guaman syarie. Reformasi dalam latihan dan amalan perlu digerakkan agar profesion ini terus melahirkan peguam syarie yang bukan sahaja mahir dalam prosedur undang-undang, tetapi juga mendalam dalam ilmu agama dan nilai syariah.

Kesimpulan dan Cadangan Kajian

Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa penguasaan Bahasa Arab dan kemahiran memahami kitab *turath* merupakan teras utama kepada keilmuan dan profesionalisme dalam bidang guaman syarie. Kedua-dua elemen ini bukan sekadar pelengkap akademik, tetapi merupakan alat intelektual yang menentukan ketepatan dalam pentafsiran hukum, kekuatan dalam penghujahan, serta kewibawaan dalam menyelesaikan isu-isu perundangan Islam.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun kesedaran terhadap kepentingan Bahasa Arab dan *turath* semakin meningkat dalam kalangan pengamal guaman syarie, tahap penguasaan sebenar masih sederhana disebabkan beberapa faktor, antaranya kekangan masa, pendekatan pengajaran yang bersifat teori, serta kekurangan bahan rujukan moden dan sistem latihan bersepadu. Kajian ini juga mendapati bahawa pemisahan antara penguasaan ilmu bahasa dan kefahaman fiqh menyebabkan jurang antara teori akademik dan amalan guaman terus melebar.

Oleh itu, penguasaan Bahasa Arab dan kitab *turath* harus dilihat sebagai keperluan strategik dalam pembangunan kompetensi profesional peguam syarie. Tanpa asas ini, profesion guaman syarie berisiko kehilangan identiti keilmuan Islamnya dan bergantung semata-mata pada pendekatan undang-undang sivil. Dalam konteks Malaysia, usaha memperkukuh keilmuan *turath* juga selaras dengan maqasid syariah iaitu memelihara agama (*hifz al-din*) dan akal (*hifz al-'aql*) melalui pengamalan ilmu yang benar dan berautoriti.

Cadangan Kajian dan Amalan

Berdasarkan analisis kepustakaan dan perbincangan yang dijalankan, kajian ini mencadangkan beberapa langkah praktikal bagi memperkukuh penguasaan Bahasa Arab dan kitab *turath* dalam kalangan peguam syarie:

Penggubalan Kurikulum Integratif

Institusi pengajian tinggi Islam perlu menggubal kurikulum latihan guaman syarie yang mengintegrasikan pengajaran Bahasa Arab dan kitab *turath* dengan aplikasi kes sebenar. Kursus Bahasa Arab perlu dirangka dalam konteks perundangan, bukan sekadar linguistik umum.

Pembangunan Modul Latihan Profesional Berterusan (CPD)

Badan kehakiman dan Majlis Peguam Syarie Malaysia disaran memperkenalkan modul CPD berasaskan turath dan fiqh mazhab Syafie untuk peguam syarie, termasuk bengkel membaca teks klasik dan penterjemahan hukum Arab.

Digitalisasi dan Pemodenan Kitab Turath

Pusat penyelidikan dan institusi Islam digalakkan membangunkan pangkalan data digital kitab turath dengan ciri carian istilah fiqh, terjemahan dua bahasa, serta anotasi akademik untuk kemudahan rujukan.

Kolaborasi Akademik dan Institusi Kehakiman

Usaha bersama antara universiti, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), dan institusi latihan guaman perlu diperluas bagi memperkukuh penyelidikan serta latihan profesional berbasis turath dan hukum Islam kontemporari.

Kajian Lanjutan Empirikal

Kajian akan datang wajar meneliti secara empirikal tahap sebenar penguasaan Bahasa Arab dan kitab turath dalam kalangan peguam syarie melalui kaedah tinjauan dan temu bual mendalam, agar strategi pembangunan kompetensi dapat dirangka secara lebih menyeluruh dan berasaskan data.

Secara tuntas, penguasaan Bahasa Arab dan kitab turath harus terus dipelihara sebagai warisan keilmuan Islam yang bernilai tinggi dan dijadikan asas kepada pembangunan profesion guaman syarie yang berwibawa, beretika, dan berpaksikan ilmu. Keberhasilan usaha ini akan memastikan profesion guaman syarie di Malaysia terus relevan, dihormati, serta mampu memainkan peranan penting dalam memperkukuh sistem kehakiman Islam di peringkat nasional dan antarabangsa.

Rumusan Akhir

Masa depan profesion guaman syarie bergantung kepada sejauh mana peguamnya mampu mengekalkan keseimbangan antara tradisi *turath* dan keperluan semasa. Penguasaan Bahasa Arab dan kitab *turath* bukan sahaja memelihara kesinambungan keilmuan Islam, tetapi juga memastikan pelaksanaan keadilan syariah yang sahih, berwibawa dan berteraskan maqasid syariah. Justeru, transformasi pendidikan dan latihan guaman syarie yang berpaksikan kepada penguasaan dua bidang ini amat penting bagi memperkukuh sistem kehakiman Islam di Malaysia serta menjamin kualiti profesionalisme peguam syarie masa kini dan akan datang.

Rujukan

- Abas, U.-H., Baharum, A. S., Ismail, A. M., Jaffar, M. N., Mat Ali, A. A., Hasbullah, R., & (Faculty of Major Languages Studies). (2023). Analisis keperluan pembinaan rekabentuk model Bahasa Arab untuk perundangan Islam melalui integrasi ilmu naqli dan aqli. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(2), 154–174. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no2.509>
- Abd Rahman, R., & Sahid, M. M. (2020). Imam al-Rafi'i dan peranannya dalam perkembangan mazhab Syafi'i. *Jurnal Al-Shafi'i*.
- Aidah Novianti Putri, & Hasan, M. A. K. (2022). Penerapan kecerdasan buatan sebagai media pembelajaran Bahasa Arab di era Society 5.0. *Tarling: Journal of Language Education*, 7(1), 69–80. <https://doi.org/10.24090/tarling.v7i1.8501>
- Akmar Abd Latif, K., Ismail, R., Ghazali, A. R., Zulkapeli, N. S., & (Faculty of Education, Universiti Islam Antarabangsa Selangor). (2021). Kelestarian turath Bahasa Arab di pondok-pondok sebagai pemangkin tradisi ilmu: Satu tinjauan awal literatur. *E-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 3(2), 56–68. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v3i2.91>
- Alhirtani, N. A. K. (2018). The influence of Arabic language learning on understanding of Islamic legal sciences: A study in Sultan Idris Education University. *International Education Studies*, 11(2), 55–66. <https://doi.org/10.5539/ies.v11n2p55>

- Anwar, M. R., & Ahyarudin, H. A. (2023). AI-powered Arabic language education in the era of Society 5.0. *IAIC Transactions on Sustainable Digital Innovation (ITSDI)*, 5(1), 50–57. <https://doi.org/10.34306/itsdi.v5i1.607>
- Azizan, N. I., Ismail, N., Zin, S. M. M., Sani, K., & Halim, A. A. (2024). Pendekatan pengajaran kursus-kursus berorientasi kitab turath di institusi pengajian tinggi Islam Malaysia. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 8(2), 143–152. <https://doi.org/10.53840/attarBawiy.v8i2.263>
- Hakim, A., & Anggraini, P. (2023). Artificial intelligence in teaching Islamic studies: Challenges and opportunities. *Molang: Journal of Islamic Education*, 1(2), 19–30. <https://doi.org/10.32806/jm.v1i2.619>
- Hasan, Z., Murad, A. H. A., & Yusof, A. F. M. (2007). Amalan kehakiman dan guaman syarie di Malaysia. Unit Penerbitan USIM. <https://e-imtiyaz.usim.edu.my/handle/123456789/696>
- Masnida Haji Hussin. (2024, April 11). Cabaran kecerdasan buatan (AI) dalam pendidikan tinggi. Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Kepemimpinan Akademik. https://cadelead.upm.edu.my/artikel/cabaran_kecerdasan_buatan_ai_dalam_pendidikan_tinggi-82834
- Sahid, M. M., & Fettane, A. (2019). Kemahiran Bahasa Arab: Penanda aras agenda integrasi ilmu naqli dan aqli di USIM. *International Journal of Education*.
- Salida, A., & Zulpina, Z. (2023). Keistimewaan Bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran dan ijtihadiyyah. *Jurnal Sathar*, 1(1), 23–33. <https://doi.org/10.59548/js.v1i1.40>
- Shamsuddin, S. S. (2018). Pemantapan pelajar aliran syariah di institusi pengajian tinggi melalui pengajian kitab turath jawi: Tinjauan terhadap pengajian talaqqi di Universiti Sains Islam Malaysia. *Sains Insani*, 3(1), 27–37. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol3no1.21>
- Syed Salim Syed Shamsuddin. (2020). Pemantapan profesion guaman dan kehakiman syarie di Malaysia menerusi pengajian kitab turath fiqh Syafie: Tinjauan terhadap perlaksanaannya di Universiti Sains Islam Malaysia. In *Mahkamah Syariah di Malaysia: Menelusuri Cabaran Melestari Hadapan* (pp. 183–209). Penerbit UiTM.
- Yuslina Mohamed, Abdullah, H., Haque, M., & Ismail, S. (2018). Integrasi naqli dan aqli dalam pengajaran Bahasa Arab tujuan khas di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). *Islāmiyyāt*.
- Zulkifli Hasan, H. H. (2017). Ke arah penubuhan badan peguam syarie Malaysia (pp. 1–38). <https://www.zulkiflihasan.com/wp-content/uploads/2008/05/Ke-arrah-penubuhan-badan-peguam-syarie.pdf>